

Atlet UUMNGA hebat

Kota Kinabalu: Dua atlet Akademi Golf Nasional **Universiti Utara Malaysia (UUMNGA)** berjaya menyerlahkan kehebatan masing-masing pada 28th Sabah Golf and Country Club (SGCC) Amateur Open Championship 2016 di sini, baru-baru ini.

Atlet terbabit ialah Nurul Syahirah Afiqah Saparudin yang muncul johan Kategori Individu Wanita Gross, dan Albright Chong Ming Soon meraih tempat kedua Kategori Individu Lelaki Gross.

Nurul Syahirah Afiqah berjaya mengatasi pesaing terdekatnya dengan kelebihan lima pukulan melalui catatan 78, 81, 79 dan mengumpul 238 jumlah pukulan keseluruhan.

"Saya amat gembira dan bersyukur dengan kemenangan ini tetapi yang paling penting ialah menaikkan nama Akademi Golf Nasional serta UUM. Keberhasilan mencapai kedudukan ini adalah sangat membanggakan.

"Diharapkan kejayaan ini akan menjadi titik tolak kepada kecemerlangan saya dalam sukan golf. Saya akan terus berusaha lebih gigih pada masa depan," katanya.

Menjadi titik tolak

Sementara itu Ming Soon pula hanya ketinggalan dua pukulan untuk muncul juara apabila mencatat 80, 76, 74 dengan 230 jumlah pukulan keseluruhan.

Pengarah UUMNGA, Prof Madya Dr Azman Yasin, berkata mengaku secara keseluruhan berpuas hati dengan prestasi ditunjukkan kedua-dua pemain itu.

"Namun, masih ada beberapa kelemahan yang perlu mereka perbaiki dan atasi, antara lain dari segi kecerdasan serta kekuatan mental kerana kedua-dua pemain itu kelihatan sering hilang fokus sewaktu pertandingan," katanya.



Nurul Syahirah (lima dari kiri) menerima hadiah kemenangan.